

## **NHF Akan Tumpu Usaha Kembangkan Pasaran**

KUALA LUMPUR, 2 Jun (Bernama) -- Pengeluar alat ganti automotif, New Hoong Fatt Holdings Bhd menyasarkan dapat mencatat pertumbuhan pada masa depan serta komited untuk mengutamakan usaha pengembangan pasarannya.

Pengarah Urusannya, Chin Jit Sin berkata kumpulan itu merancang untuk menjangkau pasaran lebih besar dengan mengutamakan ASEAN, China dan India.

Eksport syarikat itu turut mencatat pertumbuhan kukuh sejak beberapa tahun ini, termasuk kejayaan menembusi Amerika Selatan - pasaran yang mencatat perkembangan sebanyak 35.1 peratus pada 2015.

-- BERNAMA

<http://www.bernama.com/bernama/v8/bm/bu/newsbusiness.php?id=1251935>